



Rujukan Kami : UPM.BUR.100-1/6/3B(10)

Tarikh : 14 November 2022

## PEKELILING BURSAR BIL. 3 TAHUN 2022

### PEKELILING KERAIAN MAJLIS RASMI UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

#### TUJUAN

1. Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua Pusat Tanggungjawab (PTJ) Universiti Putra Malaysia (UPM) mengenai peraturan dan kadar keraian majlis rasmi selain mesyuarat/bengkel/latihan di UPM.

#### LATAR BELAKANG

2. Pekeliling ini dikeluarkan sebagai panduan pengurusan perbelanjaan keraian bagi majlis rasmi yang diadakan di Universiti Putra Malaysia supaya perolehan dan pembayaran dikendalikan dengan teratur.

3. Selaras dengan itu, Lembaga Pengarah Universiti (LPU) melalui mesyuarat ke 167 pada 4 Oktober 2022 (minit 167/06) telah meluluskan peraturan dan kadar keraian majlis rasmi di UPM. Jawatankuasa Tetap Kewangan (JKTK) melalui mesyuarat ke 4/2022 pada 6 September 2022 (minit 14/4(2022)(4)) telah meluluskan kadar bagi keraian majlis rasmi Universiti.

#### PERATURAN MENGENAI KERAIAN MAJLIS RASMI

4. Tafsiran mengenai majlis rasmi adalah seperti berikut:
- 4.1. persidangan di peringkat Antarabangsa, Kebangsaan, Kementerian dan Jabatan;

- 4.2. Majlis Penuh Istiadat/ sambutan keraian yang wajib diraikan di peringkat Kebangsaan, Kementerian dan Jabatan seperti majlis penganugerahan/ pengiktirafan yang termaktub di dalam pekeliling-pekeliling Kerajaan dan sambutan program rasmi peringkat kebangsaan dan antarabangsa berkaitan fungsi Kementerian/ Jabatan;
  - 4.3. lawatan rasmi orang kenamaan atau rombongan dari luar atau dalam negara yang wajib diraikan berkaitan urusan rasmi Kerajaan; dan
  - 4.4. majlis perasmian/ penutupan sesuatu program rasmi Kementerian/ Jabatan
5. Pegawai Pengawal hendaklah membuat perancangan yang rapi bagi mengadakan Keraian Rasmi seperti berikut:
- 5.1. kekerapan mengadakan Keraian Rasmi hendaklah dihadkan kepada aktiviti/ program/ mesyuarat rasmi yang penting dan perlu berpandukan kepada syarat-syarat di para 4 di atas;
  - 5.2. penganjuran majlis Keraian Rasmi digalakkan diadakan di premis atau kemudahan sedia ada Kerajaan yang bersesuaian dan dibuat secara sederhana bagi tujuan penjimatan;
  - 5.3. bilangan jemputan hendaklah dihadkan kepada individu/ organisasi yang berkaitan secara langsung dengan urusan rasmi Kerajaan sahaja;
  - 5.4. hidangan minuman keras adalah tidak dibenarkan; dan
  - 5.5. bagi majlis atas talian (online), hanya jemputan yang perlu hadir fizikal di lokasi majlis layak diberikan keraian rasmi.
6. Kadar keraian bagi majlis rasmi selain mesyuarat/bengkel dan latihan adalah seperti **Jadual 1**.
7. Penggunaan kadar/lokasi/jenis majlis yang berbeza sebagaimana penetapan di para 4 dan **Jadual 1** adalah tertakluk kepada kelulusan oleh Jawatankuasa Pengurusan Universiti

## **PEMATUHAN KEPADA PEKELILING**

8. Semua PTJ adalah bertanggungjawab untuk mematuhi tatacara perbelanjaan keraian majlis rasmi yang dinyatakan di dalam pekeliling ini. Pegawai Pengawal dan pegawai awam yang tidak mematuhi peraturan ini boleh diambil tindakan tatatertib/surcaj.

9. Ketua PTJ hendaklah memastikan peruntukan keraian bagi majlis rasmi telah diluluskan terlebih dahulu sebelum perbelanjaan keraian rasmi dibuat.

## **PEMAKAIAN DAN KUAT KUASA PEKELILING**


10. Pekeliling ini adalah berkuat kuasa mulai 14 November 2022. Sebarang pertanyaan berkenaan Pekeliling ini boleh dikemukakan kepada Bahagian Kewangan Pembangunan, Pejabat Bursar di talian **03-9769 6203** dan Bahagian Kewangan Kemudahan Staf, Pejabat Bursar di talian **03-9769 6210**.

Sekian, terima kasih.

**“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”**

**“BERILMU BERBAKTI”**

Saya yang menjalankan amanah,



**IZARIAHWATI BINTI MOHD ISA**  
Bursar

### **Edaran:**

Semua Ketua  
Pusat Tanggungjawab  
Universiti Putra Malaysia  
**SERDANG/BINTULU/PORT DICKSON**

Jadual 1

Bil	Kehadiran VIP/Perasmi	Kadar Keraijan (mengikut kategori meja tetamu)	Dalam Kampus		L'apprenti/ Luar Kampus
			Setengah Hari Jamuan Ringan	Sehari Jamuan Ringan(JR) dan Makan Tengah Hari/Malam(LD)	
1	Canselor/Pro Canselor	Canselor Tetamu lain	Diluluskan oleh Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JPU)		Kadar JKTK bil 4/3(2010), bil 4/1(2013) dan bil 5/2(2015) seperti di lampiran 1(i) – 1(iii)
2	Menteri/Duta	Menteri/Duta Tetamu lain	Diluluskan oleh Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JPU)		
3	Pengerusi Lembaga Pengarrah UPM	Pengerusi LPU Tetamu lain	RM12 RM8	(JR)RM12 dan RM35(LD) (JR)RM8 dan RM20(LD)	
4	Ahli Lembaga Pengarah UPM	Ahli LPU Tetamu lain	RM8 RM6	(JR)RM8 dan RM20(LD) (JR)RM6 dan RM15(LD)	
5	Ahli JPU	Ahli JPU Tetamu lain	RM8 RM6	(JR)RM8 dan RM20(LD) (JR)RM6 dan RM15(LD)	
6	Ketua PTJ	Ketua PTJ Tetamu lain	RM6 RM6	(JR)RM6 dan RM15(LD) (JR)RM6 dan RM15(LD)	
7	Kadar raptai majlis untuk semua petugas/peserta		RM6	RM15	